

30 OCT 2003

Mahathir-Rakyat

MAJU MUNDUR MALAYSIA BERGANTUNG KEPADA RAKYAT, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 30 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata maju mundurnya Malaysia bergantung kepada rakyatnya dan soal warna kulit, keturunan atau sumber alam bukanlah perkara utama yang menentukan kejayaannya.

"Yang menentukan kejayaan ialah budaya ataupun nilai hidup yang diterima dan diamal," kata Perdana Menteri semasa membentangkan usul mengenai kajian separuh penggal Rancangan Malaysia Kelapan di Dewan Rakyat.

Beliau berkata dalam dunia yang semakin saling bergantung antara satu sama lain, Malaysia tidak mampu untuk bersendirian.

Dalam persekitaran antarabangsa yang sentiasa berubah, Dr Mahathir berkata Malaysia tidak mempunyai pilihan melainkan meningkatkan daya saing, mengukuhkan daya tahan serta meningkatkan produktiviti dan kreativitinya.

Katanya sektor swasta perlu meneroka pasaran baru dan ini memerlukan perubahan minda daripada pasaran tradisional kepada bersedia menjadikan dunia sebagai pasaran.

"Kita mesti menjadikan Malaysia sebagai pintu masuk keluaran dan perkhidmatan dari tempat lain di seluruh dunia kepada negara di rantau ini.

"Bagi bersaing di pasaran dunia, kita perlu memastikan bahawa amalan pengurusan adalah di tahap piawai yang tertinggi dan kita mesti dengan tegas menanda aras diri kita dengan amalan terbaik dunia," tegasnya.

Dr Mahathir menasihati rakyat supaya jangan sesekali lupa bahawa perpaduan nasional adalah aset terpenting negara ini.

"Ia merupakan satu-satunya aset yang membolehkan kita menikmati aset lain yang dikurniakan oleh Allah S.W.T. kepada bumi bertuah ini.

"Perpaduan nasional dalam negara yang mempunyai penduduk berbilang etnik dan berbilang agama hanya akan dapat dikekalkan dan diperkukuhkan sekiranya wujud sifat persefahaman yang tinggi, sanggup bertolak ansur dan saling hormat menghormati di kalangan rakyat pelbagai bangsa dan agama," kata Dr Mahathir dalam ucapan terakhir sebagai Perdana Menteri di Dewan Rakyat sehari sebelum melepaskan jawatan yang disandang selama 22 tahun, esok.

Beliau mengingatkan rakyat bahawa jika mereka tidak berhati-hati dan berwaspada, mereka juga akan gagal dan hancur seperti beberapa masyarakat berbilang etnik lain yang mengalami kegagalan kerana masing-masing kaum mengutamakan diri daripada kepentingan negara.

"Kita telah berusaha secara berterusan dengan tidak mengenal penat lelah untuk mengukuhkan perpaduan nasional dan mengambil langkah tegas untuk membendung kecenderungan yang akan menghalang kepentingan negara.

"Janganlah sesiap berpandangan sempit dan menuduh kerajaan cuba menghapuskan budaya dan bahasa mana-mana kaum. Sesungguhnya di Malaysia sahaja yang kepentingan semua kaum dipelihara dan dibiayai oleh kerajaan," tambahnya.

Perdana Menteri menasihati rakyat supaya sentiasa bersedia menghadapi sebarang cabaran yang mendatang dan kerajaan akan menyediakan kepimpinan serta sumber yang diperlukan.

Kerajaan tambahnya, akan mengendalikan perundingan yang intensif dalam merangka strategi untuk menghadapi cabaran baru yang muncul atau, sebelum ia timbul.

-- BERNAMA

MFJ MFJ LAT